

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

MANUAL
PENGURUSAN

PELAJAR NON RESIDENT (NR)

EDISI KEDUA (2020)

Unit Pengurusan NR
Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Universiti Teknologi MARA
SHAH ALAM

MANUAL PENGURUSAN

PELAJAR NON RESIDENT (NR)

EDISI KEDUA (2020)

Unit Pengurusan NR
Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Universiti Teknologi MARA
SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN

© Unit Pengurusan Non Resident, UiTM 2020

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengetua, Unit Pengurusan Non Resident UiTM, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

MANUAL PENGURUSAN PELAJAR NON RESIDENT (NR). - EDISI KEDUA (2020).

ISBN 978-967-18526-0-6

1. Student housing--Management--Handbooks, manuals, etc.
2. Residence and education--Management--Handbooks, manuals, etc.
3. College students--Management--Handbooks, manuals, etc.
4. Universities and colleges--Malaysia.
5. Government publications--Malaysia.
- I. Universiti Teknologi MARA. Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Unit Pengurusan NR.
378.19871068



KANDUNGAN

PENGENALAN

Pengurusan Pelajar Non Resident (NR)

8

BAHAGIAN 1

Perkhidmatan Pelajar NR

12

Sistem Pangkalan Data Pelajar Non Resident (e-NR)	13
Permohonan Pelekat Kenderaan Pelajar Non Resident	17
Perkhidmatan <i>Rent-In</i> (Rental Info)	23
Pusat Khidmat Nasihat Pelajar Non Resident	32
Pusat Khidmat Nasihat Pelajar (NR Lounge)	36

BAHAGIAN 2

Kebajikan Pelajar NR

40

Lawatan Mesra Ke Kediaman Pelajar Non Resident	41
Bantuan Semasa Kecemasan Kepada Pelajar Non Resident	45
Penubuhan Jawatankuasa Pelajar Non Resident	65
Penganjuran Aktiviti Pelajar Non Resident	71



KANDUNGAN

BAHAGIAN 3 Pembangunan Pelajar NR

54

Perlantikan Staf Resident NR
Program Promosi dan Penyebaran Maklumat NR

55
81

BAHAGIAN 4 Jaringan Masyarakat Pelajar NR

86

Pemantauan Pelajar Non Resident
Mesyuarat Kesejahteraan Pelajar Non Resident

87
92

Jawatankuasa Penyediaan Dokumen

95

PENGENALAN

**PENGURUSAN PELAJAR
NON RESIDENT (NR)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

PENGURUSAN PELAJAR NON RESIDENT (NR) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1.0 PENGENALAN

Garis Panduan ini diwujudkan bagi memastikan pengurusan pelajar NR dapat dijalankan secara menyeluruh dan bersepadu di semua kampus-kampus di dalam sistem Universiti Teknologi MARA. Ia boleh menjadi bahan rujukan pegawai-pegawai yang menguruskan pelajar NR agar pengurusannya lebih teratur dan berkualiti.

Garis Panduan ini menjelaskan bagaimana sesebuah Unit Pengurusan NR boleh ditadbir dengan baik dengan empat aspek penting dalam pengurusan pelajar Non Resident seperti Perkhidmatan Pelajar NR, Kebajikan Pelajar NR, Pembangunan Pelajar NR serta Jaringan Kemasyarakatan. Secara amnya, Garis Panduan ini boleh digunakan untuk rujukan oleh:

- 1.1 Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar
- 1.2 Pengetua NR
- 1.3 Pengurus Asrama NR
- 1.4 Penolong Pengurus Asrama NR
- 1.5 Ketua Unit Pengurusan NR Cawangan
- 1.6 Staf Residen NR
- 1.7 Pembantu Tadbir Unit Pengurusan NR
- 1.8 Pembantu Operasi Unit Pengurusan NR

Carta Fungsi Pengurusan Non Resident menyatakan dengan jelas hala tuju pengurusan pelajar-pelajar NR. Walau bagaimanapun, Carta Fungsi ini boleh berubah seiring dengan perubahan dan kehendak semasa ke semasa ekoran kejadian-kejadian baharu yang memerlukan pendekatan yang berbeza. Pentadbir UPNR perlu menanamkan sikap proaktif dalam menghadapi satu per satu situasi agar "core values" sentiasa terjaga.

Selain daripada carta fungsi, dasar Bahagian Hal Ehwal Pelajar juga perlu dirujuk dan difahami matlamatnya. "Core business" Pembangunan dan Perkhidmatan pelajar mesti difahami agar hala tuju dan perjalanan pengurusan NR tidak tersasar. Ketua unit harus memastikan hala tuju sentiasa berada di landasan yang betul serta perlu ada elemen penambahbaikan berterusan seperti yang dinyatakan oleh prinsip pengurusan.

2.0 SKOP PENGURUSAN PELAJAR NR

Garis Panduan ini mengandungi beberapa jenis pengurusan meliputi skop berikut:

- 2.1 Perkhidmatan Pelajar
- 2.2 Kebajikan Pelajar
- 2.3 Pembangunan Pelajar
- 2.4 Jaringan Masyarakat

Pembangunan Garis Panduan ini dibuat kerana ia akan membantu sesiapa sahaja yang dilantik untuk menguruskan Unit Pengurusan NR supaya mampu mentadbir kerana terdapatnya bahan rujukan yang tepat dan jelas. Ini akan menjamin kesinambungan dan kelicinan pengurusan pelajar NR kerana Garis Panduan ini sentiasa terbuka untuk penambahbaikan dari semasa ke semasa.

3.0 KEPERLUAN GARIS PANDUAN

Garis panduan ini dibangunkan bersama-sama beberapa prosedur bagi mencapai Objektif Pengurusan yang ditetapkan oleh Pengurusan Universiti.

Barisan pengurusan di Unit Pengurusan Non Resident adalah melibatkan pegawai-pegawai dan kakitangan berikut:

- i. Pengetua NR
- ii. Pengurus
- iii. Penolong Pengurus
- iv. Pembantu Tadbir
- v. Pembantu Operasi

4.0 GARIS PANDUAN

4.1 Pengurusan Perkhidmatan Pelajar:

- Sistem Pangkalan Data Pelajar Non Resident (e-NR)
 - » Direktori NR (Rent In)
 - » Pengurusan Pelekat Kenderaan Pelajar NR (e-Stiker)
 - » Pusat Khidmat Pelajar NR

4.2 Pengurusan Kebajikan Pelajar NR


- Lawatan Mesra
- » Semakan dan Kelulusan Elaun Bantuan Makan Pelajar Diploma/Ijazah (Sepenuh Masa)
- » Bantuan semasa Kecemasan
- » Pengangkutan bas Untuk Pelajar NR dikendalikan oleh Unit Kenderaan

4.3 Pengurusan Pembangunan Pelajar NR

- Penubuhan jawatankuasa Perwakilan Pelajar NR
- » Perlantikan Staf Residen NR
- » Aktiviti Pelajar NR

4.4 Jaringan Kemasyarakatan

- Pemantauan Pelajar Non Resident bersama Jawatankuasa Penduduk Setempat, Polis Bantuan UiTM, Polis Diraja Malaysia
- Mesyuarat bersama Pusat Berkuasa Tempatan, Jawatankuasa Penduduk Setempat
- Unit Pengurusan Non Resident bersama Staf Resident NR dan Jawatankuasa Perwakilan Non Resident

 5.0 CARTA FUNGSI


BAHAGIAN 1

PERKHIDMATAN PELAJAR NR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SISTEM PENGKALAN DATA PELAJAR NON RESIDENT (e-NR) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1.0 PENDAHULUAN

Sistem e-NR adalah sistem pangkalan data pelajar Non Resident yang diperolehi dari Sistem (FAIS) dan pendaftaran secara online oleh pelajar melalui sistem e-HEP di portal pelajar. Di bawah sistem ini juga menyediakan beberapa aplikasi atas talian (online) seperti permohonan e-Stiker dan permohonan e-Insentif, dll.

2.0 PUNCA KUASA

Keputusan Mesyuarat Pentadbiran Unit Non Resident Bil 1/2009 bertarikh 6 Mac 2009, mengguna pakai Sistem e-HEP (modul e-NR) bagi semua permohonan seperti e-Stiker dan Rent-In bagi pendaftaran pelajar NR.

3.0 BIDANG KUASA

Pelaksanaan sistem e-NR membolehkan pengurusan Non Resident mendapatkan maklumat terkini pelajar seperti maklumat rumah sewa terkini, alamat kediaman terkini, nombor telefon, maklumat kenderaan dan waris terdekat.

Dengan perlaksanaan sistem ini juga dapat mengeluarkan statistik taburan pelajar Non Resident mengikut lokasi, jantina, agama, bidang pengajian dan tahun pengajian.

4.0 JAWATANKUASA/KEANGGOTAAN/PIHAK BERTANGGUNGJAWAB

- 4.1 Staf Pusat Teknologi Maklumat
- 4.2 Staf Unit Pengurusan Non Resident (UPNR)

5.0 SUMBER KEWANGAN

Sistem ini dibangunkan oleh Unit Pengurusan NR dan pihak Teknologi Maklumat. Tiada implikasi kewangan terlibat dalam permohonan e-Stiker dan e-Insentif di dalam Modul e-NR.

6.0 DEFINISI

Bagi tujuan pemakaian Garis Panduan ini:

6.1 **e-NR** bermaksud sistem elektronik yang dibangunkan bagi tujuan pengumpulan maklumat terkini pelajar Non Resident seperti rumah sewa terkini, nombor telefon dan maklumat kenderaan serta statistik data penempatan pelajar.

6.2 **e-Stiker** bermaksud sistem elektronik yang dibangunkan oleh bagi tujuan proses permohonan, validasi, kelulusan dan penjualan pelekat kenderaan kepada pelajar.

6.3 **e-Insentif** bermaksud sistem elektronik yang dibangunkan bagi tujuan proses permohonan, validasi, kelulusan dan pemberian elaun bantuan makan kepada pelajar diploma sepenuh masa.

6.4 **Portal Pelajar** bermaksud sistem dalam talian berasaskan laman sesawang untuk pendaftaran akademik, maklumat akademik dan maklumat Hal Ehwal Pelajar.

7.0 KETERANGAN/AKTIVITI UTAMA

7.1 Pendaftaran pelajar Non Resident

Pelajar akan mendaftar sebagai Pelajar Non Resident melalui sistem e-HEP di portal pelajar. Antara maklumat penting yang perlu diisi adalah nombor telefon pelajar, e-mel dan alamat rumah sewa.

7.2 Permohonan Aplikasi

Setelah pelajar mendaftar sebagai pelajar Non Resident, mereka boleh mengakses aplikasi permohonan dalam talian (online) seperti permohonan e-Stiker, permohonan e-Insentif dan permohonan e-Zakat .

8.0 DOKUMEN RUJUKAN UTAMA

Manual Pengguna e-HEP (Modul e-NR).

9.0 CARTA ALIR

Lampiran 1A

Carta Alir Pendaftaran e-NR

10.0 BORANG YANG DIGUNAKAN

Lampiran 2A

Borang Pendaftaran Pelajar Non Resident (Online)


Lampiran 1A

CARTA ALIR PENDAFTARAN e-NR


ALIRAN PROSES	PROSES KERJA	DOKUMEN KUALITI
<pre> graph TD Start([Start]) --> Step1([Step 1]) Step1 --> Decision{ } Decision -- "Tidak lengkap" --> Step1 Decision -- "Lengkap" --> Step2([Step 2]) Step2 --> Step3([Step 3]) Step3 --> Step4([Step 4]) Step4 --> End([End]) </pre>	• Mula	
	• Pelajar melayari portal pelajar » Memasuki sistem e-HEP	
	• Pelajar mengisi borang di e-NR • Mengemas kini maklumat pelajar. » No telefon » Maklumat rumah sewa » alamat e-mel	
	• Maklumat tidak lengkap perlu isi semula	
	• Sistem aplikasi pelajar dibuka	
	• Pelajar membuat permohonan di aplikasi » e-Insentif » e-Stiker » e-Zakat	
	• Tamat	

Lampiran 2A

BORANG PENDAFTARAN PELAJAR NON RESIDEN (ONLINE)



Sistem e-HEP (modul e-NR)



PERMOHONAN PELEKAT KENDERAAN PELAJAR NON-RESIDEN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1.0 PENDAHULUAN

Pengurusan permohonan pelekak kenderaan pelajar Non Resident bergantung kepada kriteria yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Pendaftar Bil. 43/2008 Pelekak Kenderaan UiTM. Pelaksanaan permohonan dibuat melalui permohonan aplikasi atas talian (e-Stiker).

2.0 PUNCA KUASA

2.1 Pekeliling Pendaftar Bil 43/2008

Pelekak Kenderaan UiTM bertarikh 26 September 2008.

2.2 Pekeliling Pendaftar Bil 55/2009

Penyalahgunaan Pelekak Kenderaan UiTM bertarikh 2 Oktober 2009.

2.3 Surat Kelulusan menjalankan aplikasi e-Stiker (300-HEP(PT11/1) bertarikh 17 Julai 2008 daripada Timbalan Naib Canselor, HEP.

3.0 BIDANG KUASA

Perlaksanaan permohonan pelekak kenderaan pelajar digunapakai oleh Pengurusan Kolej Kediaman dan Pengurusan Pelajar NR bagi urusan kelulusan permohonan pelekak kenderaan dengan sekali permohonan sahaja bagi setiap pelajar.

Kaedah perlaksanaannya bermula dari permohonan pelajar secara atas talian (e-stiker), proses kelulusan, pembayaran di Bahagian Bendahari UiTM sehinggalah mendapatkan pelekak di Bahagian Keselamatan UiTM.

4.0 JAWATANKUASA/ KEANGGOTAAN

- | | | |
|-----|------------|---|
| 4.1 | Permohonan | : Unit Pengurusan Kolej Kediaman dan Unit Pengurusan NR |
| 4.2 | Pembayaran | : Bahagian Bendahari, UiTM |
| 4.3 | Kelulusan | : Bahagian Keselamatan UiTM |

5.0 SUMBER KEWANGAN

Mengikut Pekeliling Pendaftar Bil 43/2008, ketetapan telah dibuat mengenai penjualan pelekat kenderaan sebanyak RM 2.00 bagi setiap penjualan pelekat kenderaan.

6.0 DEFINISI

Bagi tujuan pemakaian Garis Panduan ini :

6.1 **e-Stiker** bermaksud satu sistem elektronik yang dibangunkan oleh InfoTech UiTM bagi tujuan proses permohonan, validasi, kelulusan dan penjualan pelekat kenderaan kepada pelajar.

6.2 **Syarat Kriteria permohonan** bermaksud syarat yang digunapakai hasil perbincangan bersama Bahagian Keselamatan UiTM bagi permohonan pelekat kenderaan berdasarkan Pekeliling Pendaftar Bil 55/2009.

6.3 **Pelajar yang layak memohon** bermaksud pelajar UiTM yang berstatus aktif dengan Unit Pengurusan Rekod dan Konvokesyen.

6.4 **Portal Pelajar** bermaksud sistem atas talian berasaskan laman web untuk pelajar membuat permohonan e-stiker.

6.5 **Kenderaan pelajar** bermaksud kenderaan milikan sendiri, milikan ahli keluarga atau milikan orang ketiga yang mempunyai nama pelajar di dalam insuran kenderaan tersebut.

7.0 KETERANGAN/ AKTIVITI UTAMA

7.1 Permohonan e-Stiker

- a. Pelajar melengkapkan permohonan melalui portal pelajar (e-Stiker).
- b. Pihak Unit Pengurusan Non Resident akan menyokong permohonan melalui sistem e-NR.
- c. Pelajar yang layak akan mencetak kelulusan permohonan dan membuat bayaran di Bahagian Bendahari UiTM.
- d. Salinan resit bayaran dan kelulusan permohonan dimajukan ke Bahagian Keselamatan UiTM bagi proses mendapatkan pelekat kenderaan.

7.2 Permohonan yang Berjaya

Permohonan yang berjaya berdasarkan milikan kenderaan. Milikan kenderaan mestilah

milikan sendiri atau keluarga terdekat. Sekiranya milikan bukan dari syarat yang ditetapkan, pelajar mestilah memasukkan nama mereka kedalam insuran kenderaan tersebut.

8.0 DOKUMEN RUJUKAN UTAMA

8.1 Pekeliling Pendaftar Bil 43/2008

Pelekat Kenderaan UiTM bertarikh 26 September 2008.

8.2 Pekeliling Pendaftar Bil 55/2009

Penyalahgunaan Pelekat Kenderaan UiTM bertarikh 2 Oktober 2009.

8.3 Surat Kelulusan menjalankan aplikasi e-stiker [300-HEP (PT.11/1)] bertarikh 17 Julai 2008 daripada Timbalan Naib Canselor (HEP dan Alumni)

8.4 Manual Pengguna e-HEP (modul e-NR)

9.0 CARTA ALIR

Lampiran 1B

Carta Alir permohonan Pelekat Kenderaan (e-Stiker)

10.0 BORANG YANG DIGUNAKAN

Lampiran 2B

Borang Permohonan Pelekat Kenderaan (e-Stiker)


11.0 LAMPIRAN

Lampiran 3B

Surat Kelulusan Mengadakan Aplikasi e-Stiker


Lampiran 1B

CARTA ALIR PERMOHONAN PELEKAT KENDERAAN (e-STIKER)


AKIRAN PROSES	PROSES KERJA	DOKUMEN KUALITI
 <pre> graph TD Start([Mula]) --> Step1[Pelajar mengisi borang di portal pelajar] Step1 --> Step2[Mengemaskini maklumat pelajar] Step2 --> Step3[Klik permohonan stiker kenderaan] Step3 --> Step4[Masukkan maklumat diri dan kenderaan lengkap dan benar seperti yang diminta] Step4 --> Step5[Hantar permohonan] Step5 --> Decision{ } Decision -- Tidak lengkap --> Step4 Decision -- Lengkap --> Step6[Proses permohonan dan sokongan] Step6 --> Step7[Disemak, sekiranya tidak mengikut terma dan syarat akan di tolak oleh Bahagian Keselamatan] Step7 --> Step8[Sekiranya mengikut terma dan syarat akan diluluskan oleh Bahagian Keselamatan] Step8 --> Step9[Disokong, pelajar mencetak slip kelulusan dan dibawa ke ahagian Keselamatan UiTM bersama dolumen berikut:] Step9 --> Step10[Pelajar di benar mengambil stiker kenderaan] Step10 --> End([Tamat]) </pre>	• Mula	
	• Pelajar mengisi borang di portal pelajar • Mengemaskini maklumat pelajar.	
	• Klik permohonan stiker kenderaan. • Masukkan maklumat diri dan kenderaan lengkap dan benar seperti yang diminta. • Hantar permohonan.	
	• Maklumat diri dan kenderaan tidak lengkap isi semula. • Tidak mengikut terma dan syarat di tolak.	
	• Proses permohonan dan sokongan.	
	• Disemak, sekiranya tidak mengikut terma dan syarat akan di tolak oleh Bahagian Keselamatan. • Sekiranya mengikut terma dan syarat akan diluluskan oleh Bahagian Keselamatan.	
	• Disokong, pelajar mencetak slip kelulusan dan dibawa ke ahagian Keselamatan UiTM bersama dolumen berikut: » Kad pelajar » Bayaran di Bahagian Keselamatan » Geran/Insuran kenderaan (asal) » Lesen memandu » Surat beranak pelajar (bagi kenderaan milik ibu sahaja) » Sijil nikah (bagi pelajar yang berkahwin)	
	• Pelajar di benar mengambil stiker kenderaan.	
	• Tamat	

Lampiran 2B

BORANG PERMOHONAN PELEKAT KENDERAAN (e-STIKER)



Sistem e-HEP (modul e-NR)



Lampiran 3B

SURAT KELULUSAN MENGADAKAN APLIKASI E-STIKER

www.uitm.edu.my	
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) <i>Office of Deputy Vice-Chancellor</i> <i>(Students Affairs)</i>	Aras 4, Canselor Tuanku Saad Sirajuddin Universiti Teknologi MARA 40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA Tel: (+603) 5544 2103, 2244 Fax: (+603) 5544 3512 Email: nasuddinsalam@uitm.edu.my
Rujukan kami : 300-HEP (PT, 11/1) Tarikh : 17 Julai 2008	 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  PEMENANG Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2008
En. Amizar Hj. Mohd Amin Pengurus Asrama Unit Pengurusan NR Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni UITM Shah Alam	
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته Tuan	
MEMOHON KEBENARAN MENGADAKAN APLIKASI e-STIKER Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk. Adalah dengan ini dimaklumkan permohonan tuan untuk mendapatkan kelulusan untuk mengadakan aplikasi e-stiker bagi permohonan stiker kenderaan adalah diluluskan. Sekian, untuk tindakan pihak tuan selanjutnya. والسلام Yang benar  PROF. DATO' DR. HJ. NASUDDIN OTHMAN Timbalan Naib Canselor (HEP dan Alumni) ndari	

PERKHIDMATAN RENT - IN (RENTAL INFO) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1.0 PENDAHULUAN

Sistem Rent In diwujudkan bagi memberikan perkhidmatan direktori rumah sewa. Melalui sistem ini, pihak Unit pengurusan non residen dapat memantau harga, keselamatan kawasan persekitaran dan mengurangkan kes pemalsuan maklumat penyewaan keatas pelajar Non Residen.

2.0 PUNCA KUASA

Surat Kelulusan menjalankan aplikasi Rent In (500-HEP (UPNR-7/5/8) bertarikh 15 Januari 2008 daripada Timbalan Naib Canselor (HEP dan Alumni)

3.0 BIDANG KUASA

Perlaksanaan sistem Rent-In adalah perkhidmatan yang diberikan bagi membantu pelajar mendapatkan rumah sewa yang selamat dengan kadar sewa yang berpatutan. Unit Pengurusan NR akan mendapatkan senarai rumah sewa dan bilik sewa daripada tuan rumah di sekitar kampus. Kawalan harga sewa juga dikuatkuasa berdasarkan kelengkapan yang disediakan bagi membantu pelajar NR mengurangkan kos sara hidup di luar kampus.

4.0 JAWATANKUASA/ KEANGGOTAAN

Pihak Bertanggungjawab ke atas Perkhidmatan Rent-In :

4.1 Staf Unit Pengurusan NR

5.0 SUMBER KEWANGAN

Tiada implikasi kawangan terlibat melalui sistem ini. Dengan perlaksanaan sistem ini, pihak Universiti dapat membantu pelajar mengurangkan kos bantuan guaman (perjanjian rumah sewa) serta masa pelajar untuk mendapatkan rumah.

6.0 DEFINISI

Bagi tujuan pemakaian Garis Penduan ini :

- 6.1 Rent In bermaksud direktori rumah sewa yang disediakan kepada pelajar NR UiTM
- 6.2 Pelajar NR bermaksud pelajar yang tidak mendapat kemudahan asrama dan tinggal di luar kampus.
- 6.3 Permohonan rumah sewa bermaksud perkhidmatan direktori rumah sewa yang boleh diperolehi daripada laman web Unit Pengurusan Non Resident.

7.0 KETERANGAN/AKTIVITI UTAMA

7.1 Pengiklanan Rumah Sewa/Bilik Sewa

- a. Pelajar/tuan rumah akan menghubungi Unit Pengurusan NR untuk mengiklankan rumah sewa/bilik sewa.
- b. Pelajar juga boleh hadir terus ke Pejabat Unit Pengurusan NR dan mengisi borang pengiklanan.
- c. Mereka juga boleh mengiklankan dengan mengisi borang di laman web Unit Pengurusan NR.

7.2 Permohonan senarai Rumah Sewa/Bilik Sewa

- a. Pelajar akan mendapatkan kod rumah yang terdapat di direktori Rent-In.
- b. Pelajar/tuan rumah akan menghubungi Unit Pengurusan NR untuk mendapatkan maklumat tuan rumah sewa/bilik sewa.
- c. Pelajar juga boleh hadir terus ke Pejabat Unit Pengurusan NR dan mengisi borang permohonan maklumat tuan rumah.
- d. Mereka juga boleh memohon maklumat tuan rumah dengan mengisi borang di laman web Unit Pengurusan NR.

8.0 DOKUMEN RUJUKAN UTAMA

Surat Kelulusan menjalankan aplikasi Rent In (500-HEP (UPNR-7/5/8) bertarikh 15 Januari 2008 daripada Timbalan Naib Canselor, HEP

9.0 CARTA ALIR

Lampiran 1C

Carta Alir pelaksanaan Rent In

10.0 BORANG YANG DIGUNAKAN

Lampiran 2C

Borang-borang Pelaksanaan Rent In (Online)

Lampiran 3C

Borang Permohonan Maklumat Rumah (Online)

Lampiran 4C

Borang Pengiklanan Rent-In (Online)

Lampiran 5C

Borang Tawaran Rakan Serumah -Borang UPNR 02 /03

Lampiran 6C

Borang Tawaran Rumah Sewa -Borang UPNR 02 /02

Lampiran 7C

Borang Permohonan Rumah Sewa -Borang UPNR 02 /01


11.0 LAMPIRAN

Lampiran 8C

Surat Kelulusan Membangunkan Aplikasi Rent-In



Lampiran 1C

CARTA ALIR PROSES PENGGUNA RENT IN (RUMAH SEWA)

AKIRAN PROSES	PROSES KERJA	DOKUMEN KUALITI
 <pre> graph TD Start([Mula]) --> Step1[Pelajar layari laman web Unit Pengurusan NR. Klik butang RENT IN (RUMAH SEWA).] Step1 --> Step2[Pilih rumah yang diperlukan. Dapatkan kod rumah pada senarai / direktori tersebut. (maksimum 3 buah rumah sahaja).] Step2 --> Decision{ } Decision -- "Rumah Penuh" --> Step2 Decision -- "Rumah Kosong" --> Step3[Hubungi UPNR untuk mendapatkan nombor telefon tuan rumah. Hubungi Tuan Rumah dan dapatkan persetujuan. Sekiranya semua nombor telefon yang diperolehi telah diduduki, dapatkan kembali kod rumah yang baharu.] Step3 --> Step4[Setelah bersetuju untuk menduduki rumah tersebut, hubungi semula Pejabat UPNR untuk makluman penempatan dan mengeluarkan senarai rumah tersebut daripada direktori rumah sewa.] Step4 --> Step5[Sila buat perjanjian sewaan rumah di antara pelajar dan tuan rumah, dapatkan senarai penghuni rumah. Setelah perjanjian dimeterai, simpan perjanjian dan serahkan salinan kepada UPNR sebagai rujukan. Contoh perjanjian boleh didapati di laman web UPNR atau di pejabat UPNR.] Step5 --> End([Tamat]) </pre>	• Mula	
	• Pelajar layari laman web Unit Pengurusan NR. • Klik butang RENT IN (RUMAH SEWA).	
	• Pilih rumah yang diperlukan. • Dapatkan kod rumah pada senarai / direktori tersebut. (maksimum 3 buah rumah sahaja).	
	• Hubungi UPNR untuk mendapatkan nombor telefon tuan rumah. • Hubungi Tuan Rumah dan dapatkan persetujuan. • Sekiranya semua nombor telefon yang diperolehi telah diduduki, dapatkan kembali kod rumah yang baharu.	
	• Setelah bersetuju untuk menduduki rumah tersebut, hubungi semula Pejabat UPNR untuk makluman penempatan dan mengeluarkan senarai rumah tersebut daripada direktori rumah sewa.	• Borang UPNR 02/01 • Borang UPNR 02/02 • Borang UPNR 02/03
	• Sila buat perjanjian sewaan rumah di antara pelajar dan tuan rumah, dapatkan senarai penghuni rumah. Setelah perjanjian dimeterai, simpan perjanjian dan serahkan salinan kepada UPNR sebagai rujukan. Contoh perjanjian boleh didapati di laman web UPNR atau di pejabat UPNR.	
	• Tamat	

Lampiran 2C

BORANG-BORANG PERLAKSANAAN RENT IN



Lampiran 3C

BORANG PERMOHONAN MAHLUMAT RUMAH (ONLINE)

House/Roomate Coding Request
For security purpose, we are not view a contact number of a landlord/advertiser at a listing. You can request a advertiser contact number by fill-up this form. Maximum 3 coding are allowed per request.

Name *

IC Number *

Matrix/Staff Number *

Telephone *

+601 -
####

Email *

Request For *

Please Select

First Code Phone Number Request *

Please enter (R....) for Housing and (B....) for find a roomates.

Second Code Phone Number Request *

Please enter (R....) for Housing and (B....) for find a roomates.

Third Code Phone Number Request *

Please enter (R....) for Housing and (B....) for find a roomates.

Comments and Questions

Please Attach a Picture

Date

Lampiran 4C

BORANG PENGIKLANAN RENT - IN

Home Listing Advertisement
Welcome to Non Resident Management Unit, Universiti Teknologi MARA Shah Alam

I want to: *

Please Choose

Name *

IC Number *

Matrix Number (if Student)

Phone *

Email *

Optional

Address For Rental *

Street Address

Address Line 2

City

State / Province / Region

Postal / Zip Code

Majority

Country

House Type *

Please select

Number of Rooms *

Amount of Rental (RM) *

Per House (House) Per Week (Kampong) Per Day (Homestay)

Amount of Deposit (RM) *

Upload a Picture *

Browse

Your need to upload a picture of your rental.

Facilities Provided

Date

Lampiran 5C

BORANG TAWARAN RAKAN SERUMAH

 BORANG TAWARAN RAKAN SERUMAH UNIT PENGURUSAN NON RESIDEN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA		Untuk Siswa ☐ Siswi ☐	
Nama Penyewa: 		Kadar Harga RM Seorang:	
No. Telefon: 		@ RM Sebilik:	
Alamat Rumah Sewa: 		Jenis Rumah: 	
Bilangan penyewa diperlukan:		Jumlah Bilik:	
@ Jumlah bilik disewakan:		Kemudahan disediakan (sila nyatakan): 	
		Tarikh Terima Iklan:	

Lampiran 6C

BORANG TAWARAN RUMAH SEWA

 BORANG TAWARAN RAKAN SEWA UNIT PENGURUSAN NON RESIDEN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA		Untuk Siswa ☐ Siswi ☐	
Nama Tuan Rumah: 		Jenis Rumah: 	
No. Telefon: 		Jumlah Bilik:	
Alamat Rumah Sewa: 		Kemudahan disediakan (sila nyatakan): 	
Kadar Harga:		Alamat Tuan Rumah: 	
Deposit RM:		Tarikh Terima Iklan:	


Lampiran 7C

BORANG PERMOHONAN RUMAH SEWA

	BORANG TAWARAN RUNAH SEWA UNIT PENGURUSAN NON RESIDENT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA	BORANG UPNR 02/01
Nama Pelajar: 		
No. Pelajar: 	No. Telefon: 	
E-mail: 	Kod Rumah: 	
	Tarikh Permohonan:	

Lampiran 8C

SURAT KELULUSAN MEMBANGUNKAN APLIKASI RENT-IN

www.uitm.edu.my	
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) <i>Office of Deputy Vice-Chancellor</i> (Students Affairs)	Aras 4, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin Universiti Teknologi MARA 40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA. Tel: (+603) 5544 2003 / 2244 Fax: (+603) 5544 3512 Email: nasuddin@salam.uitm.edu.my
	 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  PEMENANG Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2008
Tarikh : 15 Januari 2008 No.Fail : 500-HEP (JPNR - 7/5/8)	
Encik Amizar Hj Mohd Amin Pengurus Asrama Unit Pengurusan NR Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni UiTM Shah Alam	
Tuan	
KEBENARAN MENJALANKAN APLIKASI RENT-IN	
Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.	
Adalah dengan ini dimaklumkan permohonan tuan untuk mendapatkan kelulusan untuk menjalankan Aplikasi Rent-In bagi permohonan rumah sewa adalah diluluskan.	
Sekian, untuk tindakan pihak tuan selanjutnya.	
Yang benar	
	
PROF.DATO'DR HJ NASUDDIN OTHMAN Timbalan Naib Canselor (HEP dan Alumni)	

KHIDMAT NASIHAT PELAJAR NR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1.0 PENDAHULUAN

Perkhidmatan ini diwujudkan bagi memberi khidmat nasihat kepada pelajar berkaitan aduan atau sebarang masalah yang dihadapi. Melalui khidmat ini Unit Pengurusan NR dapat membantu pelajar dalam menguruskan permasalahan mereka.

2.0 PUNCA KUASA/KELULUSAN

Keputusan Mesyuarat Perancangan Aktiviti Pelajar Non Resident bersama wakil Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dan Unit Kaunseling bertarikh 15 Disember 2009.

3.0 BIDANG KUASA / SKOP

Perlaksanaan perkhidmatan ini adalah bertujuan bagi membantu pelajar mendapatkan khidmat nasihat di saluran yang tepat. Perkhidmatan ini dapat membantu mengurangkan tekanan yang dialami oleh pelajar dalam menempuh kehidupan di luar kampus.

4.0 JAWATANKUASA/ KEANGGOTAAN

Pihak bertanggungjawab memberikan bantuan khidmat nasihat :

- 4.1 Staf Unit Pengurusan NR
- 4.2 Staf ACIS
- 4.3 Staf Unit Kaunseling
- 4.4 Pihak Berkuasa Tempatan

5.0 SUMBER KEWANGAN

Tiada implikasi kewangan yang terlibat melalui sistem ini. Pihak Universiti dapat membantu pelajar mengurangkan kos dan masa untuk mendapatkan perkhidmatan khidmat nasihat.

6.0 DEFINISI / TAFSIRAN

Bagi tujuan pemakaian garis panduan ini:

- 6.1 Pelajar bermaksud individu yang didaftarkan sebagai pelajar Non Resident UiTM.
- 6.2 Khidmat nasihat adalah perkhidmatan yang disediakan bagi membantu pelajar dalam menghadapi masalah yang dihadapi berhubung penyewaan rumah dan kebajikan pelajar.

7.0 KETERANGAN/ AKTIVITI UTAMA

7.1 Temujanji Khidmat Nasihat

Pelajar akan menghubungi pihak NR bagi mendapatkan perkhidmatan khidmat nasihat.

7.2 Sesi Khidmat Nasihat

Pihak UPNR akan mengadakan khidmat nasihat berhubung masalah yang dihadapi seperti khidmat nasihat perjanjian sewaan rumah, khidmat kaunseling dan perkara yang difikirkan perlu bagi membantu pelajar NR.

8.0 DOKUMEN RUJUKAN UTAMA

- 8.1 Perjanjian Rumah Sewa
- 8.2 Buku Panduan Pelajar NR

9.0 CARTA ALIR

Lampiran 1D

Perkhidmatan Khidmat Nasihat Pelajar NR


10.0 BORANG YANG DIGUNAKAN

Lampiran 2D

Borang Maklumbalas Pelanggan (PK.UITM.HEP (P) 10)

Lampiran 1D

CARTA ALIR PERKHIDMATAN KHIDMAT NASIHAT NR

AKIRAN PROSES	PROSES KERJA	DOKUMEN KUALITI
 <pre> graph TD Start([Mula]) --> Step1[] Step1 --> Step2[] Step2 --> Decision{ } Decision -- "Tidak Selesai" --> Step2 Decision -- "Sesi khidmat nasihat selesai" --> Step3[] Step3 --> End([Tamat]) </pre>	• Mula	
	• Pelajar menghubungi Unit Pengurusan NR.	
	• Unit Pengurusan NR menetapkan temu janji Khidmat Nasihat.	
	• Sesi Khidmat Nasihat.	
	• UPNR akan menghubungi semula pelajar bagi mendapatkan maklum balas selepas perkhidmatan.	
	• Tamat	

Lampiran 2D

BORANG MAKLUMBALAS PELANGGAN (PK.UITM.HEP(P)10)

PK.UITM.HEP(P).10(5)

	BORANG MAKLUMBALAS PELANGGAN / CUSTOMER FEEDBACK FORM (SATISFACTION) Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni Unit Pengurusan Non Resident
---	--

Tarikh / Date : _____

Serial No : _____

A. MAKLUMAT PELANGGAN / CUSTOMER'S PARTICULARS

Nama / Name : _____

Alamat / Address : _____

Telefon / Telephone : _____ Emel : _____

** Keperluan *Required* (sila isi ruangan bertanda / *Please fill in the blanks*)

i. Jantina / Gender

☐ Lelaki / Male☐ Perempuan / Female

ii. Umur / Age

☐ 18 - 21 Tahun / Years☐ 22 - 25 Tahun / Years☐ 26 - 30 Tahun / Years☐ >31 Tahun / Years

iii. Kategori pelanggan / Customer's Type

☐ Pelajar / Student☐ Staf UiTM / UiTM Staff☐ Lain-lain / Others _____

B. JENIS URUSAN / TYPE OF SERVICE

☐ Mendapatkan perkhidmatan yang disediakan / Service Offered☐ Mendapatkan Maklumat / Acquiring Information☐ Lain-lain / Others : _____

C. PENILAIAN PERKHIDMATAN / LEVEL OF SERVICES

	Baik Good	Memuaskan Satisfactory	Perlu diperbaiki Needs Improvement
i. Layanan Staf / Staff's Hospitality	☐	☐	☐
ii. Tempoh Masa Berurusan / Precision of Service	☐	☐	☐
iii. Ketepatan Maklumat / Precision of information	☐	☐	☐
iv. Kemudahan / Persekitaran / Facilities / Environment	☐	☐	☐
v. Perkhidmatan Keseluruhan / Overall Services	☐	☐	☐

D. CADANGAN / KOMEN

Suggestion / Comment

 Terima kasih atas maklumbalas dan cadangan anda /
 Thank you for your response and suggestion

PUSAT KHIDMAT NASIHAT PELAJAR (NR LOUNGE) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1.0 PENDAHULUAN

Pusat Khidmat Pelajar NR adalah kemudahan yang disediakan untuk pelajar NR. Fungsi utama pusat ini adalah memberi kemudahan santai, Internet, permainan dalaman serta ruang diskusi pelajar. Pelajar NR boleh menggunakan pusat ini bagi memenuhi waktu senggang antara masa kuliah.

2.0 PUNCA KUASA

2.1 Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) UiTM Bil. 4/2006

Membina Kompleks Serbaguna Pelajar UiTM Shah Alam.

2.2 Surat kelulusan (400-HEP (PT) 29/3) bertarikh 2 Oktober 2009 bagi permohonan pembelian perabot daripada Timbalan Naib Canselor HEP dan Alumni.

3.0 BIDANG KUASA

Perlaksanaan kemudahan pusat khidmat pelajar bertujuan memudahkan pelajar yang tinggal di luar kampus berehat sambil bersantai sementara menunggu waktu kuliah bermula. Pusat ini disediakan sama ada di dalam atau di luar kampus. Antara kemudahan yang disediakan di pusat khidmat pelajar seperti NR Lounge, kemudahan Internet dan permainan dalaman.

4.0 JAWATANKUASA/KEANGGOTAAN

Pihak bertanggungjawab menguruskan Pusat Khidmat Pelajar NR:

Staf Unit Pengurusan NR

5.0 SUMBER KEWANGAN

Kumpulan Wang Pengurusan Bahagian HEP

6.0 DEFINISI

Bagi tujuan pemakaian Garis Panduan ini:

6.1 NR Lounge

- Ruang santai pelajar yang disediakan bagi tujuan berdiskusi, belajar dan beriadah untuk mengisi waktu senggang antara masa kuliah.

6.2 Bilik Kegiatan NR

- Ruang yang disediakan bagi kemudahan pelajar NR menjalankan beberapa aktiviti, seminar dan mesyuarat.

6.3 Permainan Dalaman NR Lounge

- Permainan dalaman yang disediakan di NR Lounge untuk kegunaan riadah pelajar NR.

7.0 DOKUMEN RUJUKAN UTAMA

Log penggunaan NR Lounge

8.0 CARTA ALIR

Lampiran 1F

Carta Alir permohonan Penggunaan Kemudahan Lounge Pelajar

9.0 BORANG YANG DIGUNAKAN

Lampiran 2F

Buku Log Penggunaan NR Lounge

Lampiran 1F

CARTA ALIR PERKHIDMATAN KHIDMAT NASIHAT NR

AKIRAN PROSES	PROSES KERJA	DOKUMEN KUALITI
<pre> graph TD Start([Mula]) --> Step1([Pelajar mengisi borang penggunaan lounge pelajar NR.]) Step1 --> Step2([Maklumat tidak lengkap isi semula Tidak mengikut terma dan syarat akan ditolak.]) Step2 --> Decision{ } Decision -- Tidak Berjaya --> Step1 Decision -- Berjaya --> Step3([Pihak UPNR akan menyemak log permohonan penggunaan.]) Step3 --> Step4([Pelajar menggunakan lounge pelajar NR.]) Step4 --> Step5([Pihak UPNR akan menyimpan log penggunaan sebagai rujukan.]) Step5 --> End([Tamat]) </pre>	• Mula	
	• Pelajar mengisi borang penggunaan lounge pelajar NR.	• Buku Log Penggunaan NR Lounge.
	• Maklumat tidak lengkap isi semula • Tidak mengikut terma dan syarat akan ditolak.	
	• Pihak UPNR akan menyemak log permohonan penggunaan.	
	• Pelajar menggunakan lounge pelajar NR.	
	• Pihak UPNR akan menyimpan log penggunaan sebagai rujukan.	
	• Tamat	

Lampiran 2F

BUKU LOG PENGGUNAAN NR LOUNGE

BIL	NAMA PELAJAR	NO MATRIK	TARIKH	MASA
1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				
10				
11				
12				
13				
14				
15				
16				
17				
18				
19				
20				
21				

BAHAGIAN 2

KEBAJIKAN PELAJAR NR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

LAWATAN MESRA KE KEDIAMAN PELAJAR NR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1.0 PENDAHULUAN

Lawatan Mesra ke kediaman pelajar NR diadakan bagi merapatkan lagi silaturahim di antara para pelajar dan pihak pengurusan UiTM. Objektif lawatan ini adalah untuk memantau kebajikan pelajar selain menyebarkan maklumat terkini.

2.0 PUNCA KUASA

2.1 Petikan minit mesyuarat Unit NR Bil.8/2013.

2.2 Laporan lawatan kebajikan ke kediaman pelajar yang disediakan oleh Unit Pengurusan Non Resident.

3.0 BIDANG KUASA

Lawatan Mesra Pelajar NR dilaksanakan secara berkala bagi memantau kebajikan pelajar disamping menyampaikan maklumat terkini dari pihak pengurusan mengikut zon/kawasan rumah yang telah dijadualkan.

4.0 JAWATANKUASA / KEANGGOTAAN

Pihak Terlibat Dalam Lawatan Mesra :

- 4.1 Staf Unit Pengurusan NR.
- 4.2 Pegawai Pembangunan Pelajar NR.
- 4.3 Wakil Bahagian/Unit Keselamatan.
- 4.4 Jawatankuasa Pelajar NR.
- 4.5 Wakil Pusat/Unit Kerjaya & Kaunseling.

5.0 SUMBER KEWANGAN

Kelulusan peruntukan Tabung Kegiatan Pelajar (Bil.Fail :100-HEP(UPNR.9/14/14).

6.0 DEFINISI

6.1 Lawatan Mesra

Lawatan ke rumah-rumah pelajar NR.

6.2 JPPNR

Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Non Resident yang dilantik mewakili pelajar NR bagi membantu pihak pengurusan.

7.0 KETERANGAN / AKTIVITI UTAMA

7.1 Petugas terdiri dari Staf NR, SRNR dan JPNR.

7.2 Menyediakan borang Penghuni rumah.

7.3 Edaran pekeliling dan maklumat terkini program NR.

8.0 DOKUMEN RUJUKAN UTAMA

8.1 Sistem e-NR.

8.2 Jadual Bertugas bulanan SRNR.

8.3 Laporan bergambar dan maklumat penghuni rumah.

8.4 Buku Panduan Pelajar NR.

9.0 CARTA ALIR

Lampiran 1G

Carta alir lawatan mesra ke kediaman pelajar NR.


10.0 BORANG YANG DIGUNAKAN

Lampiran 2G

Borang Maklumat Penghuni Kediaman Pelajar NR.

Lampiran 1F

CARTA ALIR LAWATAN MESRA KE KEDIAMAN PELAJAR NR

AKIRAN PROSES	PROSES KERJA	DOKUMEN KUALITI
 <pre> graph TD Start([Mula]) --> P1[Merancang lokasi lawatan dan pemantauan berdasarkan pembahagian zon dan maklumat pelajar NR yang sedia ada di sistem e-NR. Menjadualkan lawatan secara berkala.] P1 --> P2[Maklumkan kepada SRNR dan JPNR tentang lawatan yang akan dijalankan.] P2 --> P3[Lawatan dijalankan dan disediakan laporan: » Siang - Staf unit. » Malam - SRNR dan ahli jawatankuasa lawatan.] P3 --> P4[Fail dan rekod.] P4 --> P5[Tamat] P5 --> End([Tamat]) </pre>	• Mula	
	• Merancang lokasi lawatan dan pemantauan berdasarkan pembahagian zon dan maklumat pelajar NR yang sedia ada di sistem e-NR. Menjadualkan lawatan secara berkala.	
	• Maklumkan kepada SRNR dan JPNR tentang lawatan yang akan dijalankan.	
	• Lawatan dijalankan dan disediakan laporan: » Siang - Staf unit. » Malam - SRNR dan ahli jawatankuasa lawatan.	
	• Fail dan rekod.	• Borang Maklumat Penghuni Rumah Pelajar NR.
	• Tamat	

Lampiran 2G

BORANG MAKLUMAT PENGHUNI RUMAH PELAJAR NR

MAKLUMAT PENGHUNI RUMAH PELAJAR NON-RESIDENT UiTM



ALAMAT KEDIAMAN (sila nyatakan dengan lengkap no. rumah, nama jalan dan Seksyen):

--

Bil	Nama Penuh	Kad Pelajar UiTM	Kad Pengenalan	No. H/Phone	T/Tangan
1					
2					
3					
4					
5					
6					
7					
8					
9					
10					
11					
12					
13					
14					
15					
16					
17					
18					

BANTUAN SEMASA KECEMASAN BAGI PELAJAR-PELAJAR NR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1.0 PENDAHULUAN

Menguruskan dan membantu pelajar-pelajar NR yang menghadapi kes-kes kecemasan atau sakit adalah tanggungjawab yang perlu di laksanakan oleh UPNR dan SRNR. Kes kecemasan boleh di kategorikan sebagai kemalangan, kematian, sakit, samun dan pencerobohan kediaman. Ketua UPNR atau SRNR perlu mengambil tindakan sewajarnya seperti melawat tempat kejadian, melawat mangsa samada di tempat kejadian atau di pusat rawatan, membuat laporan polis jika perlu serta mengambil keterangan dari rakan mangsa atau mangsa sendiri.

2.0 PUNCA KUASA

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP) ke 161 bertarikh 22 Januari 2009 meluluskan perluasan skop bencana alam di dalam bantuan Tabung Kebajikan Pelajar. (Lampiran).

- Berkuatkuasa mulai semester Julai 2009.

3.0 BIDANG KUASA

3.1 Unit Pengurusan Staf Residen NR perlu mempromosikan nombor-nombor perhubungan yang penting seperti NR, Balai Polis, Pejabat Polis Bantuan UiTM dan Pusat Kesihatan untuk diedarkan kepada pelajar NR.

3.2 Staf unit dan SRNR diberi taklimat oleh ketua unit tentang tindakan-tindakan perlu sekiranya mendapat laporan atau maklumat tentang pelajar sakit, kemalangan atau meninggal dunia.

4.0 JAWATANKUASA/ KEANGGOTAAN

- 4.1 Staf Unit Pengurusan NR
- 4.2 Staf Residen NR
- 4.3 Pejabat Polis Bantuan UiTM
- 4.4 Pusat/Unit Kesihatan-(terima faks mengenai pelajar masuk wad)

5.0 SUMBER KEWANGAN

- 5.1 Tabung kebajikan pelajar
- 5.2 Tabung kecemasan pelajar
- 5.3 Belanja mengurus Bahagian HEP (Tuntutan perjalanan menghantar pelajar ke hospital)

6.0 DEFINISI

6.1 PPP NR

Pegawai Pembangunan Pelajar NR.

6.2 Pelajar sakit

Pelajar yang dimasukkan ke wad kerana masalah kesihatan.

6.3 Pelajar kemalangan

Pelajar yang mengalami kemalangan jalanraya atau kemalangan disebabkan bencana alam.

6.4 Pelajar meninggal dunia

Pelajar yang meninggal dunia akibat masalah kesihatan, kemalangan atau akibat daripada bencana alam.

6.5 GL

Surat Akuan (Guarantee letter).

7.0 KETERANGAN/AKTIVITI UTAMA

- 7.1 Menerima maklumat pelajar sakit/meninggal dunia.
- 7.2 Membuat lawatan ke hospital untuk menemui pelajar.
- 7.3 Mendapatkan surat jaminan masuk hospital (GL).
- 7.4 Mendapatkan salinan laporan hospital pelajar sekiranya melibatkan kemalangan.
- 7.5 Mendapatkan salinan dolumen kematian pelajar untuk tuntutan khairat kematian.

8.0 DOKUMEN RUJUKAN UTAMA

Manual Pengurusan Kebajikan Pelajar Universiti Teknologi MARA.

9.0 CARTA ALIR

Lampiran 1H

Pengurusan Kes Kecemasan/ Sakit/ Kematian

Lampiran 2H

Carta Alir Menguruskan Jenazah Pelajar

10.0 BORANG YANG DIGUNAKAN

Lampiran 3H

Borang permohonan bantuan/pinjaman tabung kebajikan pelajar (HEP/UBK.04/2010)

Lampiran 1H

PENGURUSAN KES KECEMASAN/SAKIT/KEMATIAN

AKIRAN PROSES	PROSES KERJA	DOKUMEN KUALITI
<pre> graph TD Start([]) --> R1([]) R1 --> R2([]) R2 --> R3([]) R3 --> R4([]) R4 --> R5([]) R5 --> End([]) R1 -- Kematian --> End R3 -- Berjaya --> End </pre>	• Mula	
	• Terima panggilan berlakunya kecemasan/kematian.	
	• Kenalpasti tanda-tanda atau kecederaan pesakit.	
	• Kenalpasti kes kematian atau kecederaan.	
	• Hubungi Hospital / Polis untuk bantuan dan tindakan selanjutnya. • Hubungi keluarga / waris jika melibatkan kecederaan serius / kematian.	
	• Buat pemantauan ke atas pesakit dan pastikan keadaan mangsa selamat setiap masa sehingga pihak berkuasa / ambulan tiba.	
	• Serah kepada pihak berkuasa untuk tindakan selanjutnya.	
	• Tamat	

Lampiran 2H

CARTA ALIR MENGURUSKAN JENAZAH PELAJAR

AKIRAN PROSES	PROSES KERJA	DOKUMEN KUALITI
<pre> graph TD Start([]) --> Step1([]) Step1 --> Step2([]) Step2 --> Step3([]) Step3 --> Step4([]) Step4 --> Step5([]) Step5 --> Step6([]) Step6 --> Step7([]) Step7 --> End([]) </pre>	• Mula	
	• Terima mahlumat kematian pelajar.	
	• Catatkan maklumat yang diterima.	
	• Maklum kepada keluarga pelajar/ fakulti/Pengurusan atasan HEP/Unit Bantuan Kewangan/Pegawai Eksekutif HEP kampus. Buat tempahan kenderaan jenazah.	
	• Pergi ke rumah mayat di hospital yang berkenaan sekiranya jenazah telah tiba di sana. Sekiranya kematian di rumah, hubungi pihak polis dengan segera.	
	• Sediakan wang pengurusan jenazah. (RM300 - RM500) yang boleh dituntut kembali dari Tabung Kebajikan Pelajar.	
	• Dapatkan salinan Sijil Kematian dan salinan permit mengubur untuk diserahkan kepada Unit Bantuan Kewangan.	
	• Tamat/Rekod dan fail.	

Lampiran 2H

BORANG PERMOHONAN BANTUAN/PINJAMAN TABUNG KEBAJIKAN PELAJAR

BORANG PERMOHONAN PINJAMAN TABUNG KEBAJIKAN PELAJAR

Pengerusi
Tabung Kebajikan Pelajar
Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
UiTM, Malaysia

Tuan,
Saya seperti nama yang tersebut di bawah ini ingin memohon pinjaman sebanyak RM.....

Tujuan Pinjaman :

MAKLUMAT DIRI

Nama Pelajar :

No. Kad Pengenalan :

Kursus :

Jenis Biasiswa/Pinjaman :

Alamat Kolej/NR :

No. Telefon :

Nama Bapa/Penjaga :

Pendapatan Sebulan :

Saya mengaku bahawasanya maklumat yang diberikan di atas adalah benar dan pihak Jawatankuasa berhak melulus/menolak permohonan ini tanpa memberi apa-apa sebab. Sekiranya maklumat yang diberikan didapati tidak benar, pihak Jawatankuasa berhak menuntut balik bayaran untuk pinjaman yang telah diluluskan.

Saya juga mengaku sekiranya saya gagal menyelesaikan jumlah yang terhutang apabila saya tamat pengajian, saya dengan ini memberi kebenaran kepada pihak Tabung Amanah untuk mengambil jumlah yang terhutang dari cagaran saya.

